L	Buruh sahaja untuk menghampar dan meratakan	M2	3.60
	Batu Baur Hancur		
M	Membekal 150mm tebal batu baur hancur atau yang setara dan diluluskan, dimampatkan seperti arahan Majlis.	M2	19.50
	Pasir		
N	Membekal dan menambak pasir yang diambil dari luar tapak bina termasuk merata dan memampat.	M3	44.00
	Corrugated Pipe/HDPE Perforated Corrugated Pipe		
P	Membekal dan memasang 100mm diameter ' <i>corrugated pipe</i> ' / ' <i>perforated pipe</i> ' yang dibalut ' <i>Geotextile</i> ' dengan menyediakan 400 x 400mm lubang termasuk 75mm ϕ 'aggregate'	M	200.00
Q	Membina dan menyiapkan ' <i>brick sump</i> ' termasuk kerja-kerja diperlukan saiz 750mm x 750mm. (Rujuk Lampiran)	Set	650.00

BIL	HURAIAN KERJA	UNIT	KADAR HARGA (RM)
	PENYEDIAAN / PENYEWAAN LOJISTIK:- Membekal pekerja, jentera dan mesin untuk kerja-kerja yang diarahkan seperti arahan Majlis di tapak seperti berikut:-		
A	<i>Excavator</i>	Hari	900.00
B	<i>Backhoe Excavator (bucket 0.77m3)</i>	Hari	600.00
C	Lori (1 Tan)	Hari	600.00
D	Lori (3 Tan)	Hari	700.00
E	Lori (5 Tan)	Hari	750.00
F	<i>Welding Machine</i>	Hari	340.00
G	<i>Generator Set (Kecil)</i>	Hari	350.00
H	<i>Generator Set (Besar)</i>	Hari	500.00
J	<i>Water Pump</i>	Hari	350.00

Berdasarkan kepada kadar harga yang dinyatakan di dalam Jadual Kadar Harga pihak saya/kami telah bersetuju dengan kadar tawaran diskaun sebanyak * _____% (dengan perkataan : _____) kepada pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya **(dibawa ke Borang Sebut Harga)**.

 (Tandatangan Kontraktor)
 Nama :
 No. KP :
 Atas Sifat :
 Cap & Alamat Syarikat :

 (Tandatangan Saksi)
 Nama :
 No. KP :
 Alamat :

* *sila potong mana yang tidak berkenaan.*



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN G

**PENENTUAN
PERKHIDMATAN**

PENENTUAN KERJA

SPESIFIKASI KERJA BERKAITAN PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN TAMAN DAN ALATAN PERMAINAN DALAM KAWASAN BP 7 ZON 20 HINGGA ZON 24 BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

A. KEPERLUAN AM

A.1 BIDANG KERJA

Kerja-kerja yang hendak dijalankan di bawah kontrak ini merangkumi bidang kerja seperti berikut:

A.1.1 Kerja-kerja Permulaan dan Persediaan:

- a. Menyediakan Polisi Insurans / Takaful Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja.
- b. Menyediakan segala peralatan keselamatan yang mencukupi semasa bekerja seperti 'safety vest' bendera, lampu bicon, kon dan keperluan lain.
- c. Menyediakan 2 salinan laporan bergambar bagi kemajuan kerja setiap tuntutan dan Salinan Sijil Pengesahan Kualiti ISO/SIRIM daripada pengeluar (Jika pemasangan baru Hardscape yang berkaitan)
- d. Menyediakan bon pelaksanaan.

A.1.2 Skop Kerja adalah seperti berikut:

- a. Membekal dan menaiktaraf kemudahan taman dan alatan permainan.
- b. Pembaikan kemudahan taman dan alatan permainan.
- c. Pembersihan kemudahan taman dan alatan permainan.

A.2 KAWASAN KERJA

Kawasan kerja di bawah tawaran ini adalah seperti dalam senarai lokasi yang disertakan di **Bahagian K. LOKASI** ; mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

A.3 TEMPOH KONTRAK

Kontrak kerja penyelenggaraan ini berkuatkuasa untuk tempoh DUA (2) TAHUN seperti yang ditentukan dalam surat tawaran.

A.4 WAKIL KONTRAKTOR

Kontraktor dikehendaki melantik seorang wakil yang dikenali sebagai Penyelia yang telah diberikuasa menggantikan beliau semasa ketiadaannya dan apa-apa arahan yang telah diberi kepada Penyelia oleh Majlis hendaklah dianggap telah diterima oleh kontraktor tersebut.

A.5 PENYERAHAN NOTIS KEPADA KONTRAKTOR

Sebarang notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor di bawah kontrak ini akan diserahkan dengan cara menghantar melalui pos berdaftar kepada tempat perniagaan berdaftar Kontraktor atau lain-lain alamat sebagaimana yang dinyatakan oleh Kontraktor dari semasa ke semasa / melalui telefon / melalui faksimili. Penukaran alamat / telefon / faksimili oleh kontraktor hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Majlis dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh penukaran.

A.6 WAKTU BEKERJA

- A.6.1 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja di bawah kontrak ini mengikut masa-masa yang ditetapkan oleh Pegawai Penguasa atau arahan-arahan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa. Perkhidmatan ini perlu dilaksanakan setiap hari termasuk hari Sabtu dan Ahad, serta cuti am sekiranya diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya.
- A.6.2 Kontraktor juga bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja kecemasan seperti runtuhnya peralatan set intergrated playground dan peralatan senaman yang menyebabkan keselamatan terancam sekiranya berlaku pada hari cuti ataupun pada waktu malam mengikut arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya.
- A.6.3 Pihak Kontraktor juga dikehendaki menyediakan pekerja bagi kerja-kerja kecemasan seperti membongkar, membuka atau melilit kawasan tersebut dengan tali kecemasan dan pekerja kontraktor dikehendaki berada di tempat yang dikehendaki oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya.

A.7 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam surat arahan kerja tanpa sebab-sebab munasabah, Surat Tawaran kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Penguasa.

A.8 KEPERLUAN PERALATAN DAN TENAGA KERJA

- A.8.1 Segala keperluan dan peralatan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan tersebut adalah tanggungjawab Kontraktor sendiri.
- A.8.2 Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja tersebut Kontraktor hendaklah memastikan segala peralatan, kenderaan dan jentera-jentera yang dimaksudkan itu sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Kelulusan PUSPAKOM perlu diperolehi bagi kenderaan-kenderaan perdagangan.
- A.8.3 Kontraktor hendaklah menyediakan bilangan pekerja, peralatan, kenderaan dan jentera yang sesuai dan mencukupi bagi kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak ini dengan perbelanjaan sendiri bagi memastikan kerja-kerja tersebut dapat disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Bilangan pekerja jika diarahkan atau disebut dalam surat arahan hendaklah dipatuhi.
- A.8.4 Kegagalan menyediakan tenaga pekerja secukupnya, pihak Majlis akan mengenakan denda sebanyak RM200.00 sehari seorang pekerja.
- A.8.5 Pekerja asing yang digunakan hendaklah memenuhi syarat-syarat kemasukan Pihak Berkuasa yang berkaitan serta perlu mahir berkomunikasi dalam Bahasa Melayu.
- A.8.6 Pihak pekerja kontraktor dimestikan memakai vest keselamatan yang bertulis "**Kontraktor Landskap MBSJ**" semasa melaksanakan kerja di tapak.

A.9 KESELAMATAN

- A.9.1 Kontraktor dikehendaki menyediakan peralatan keselamatan bagi pekerjaanya sewaktu menjalankan kerja. Antara peralatan keselamatan tersebut adalah kon, pemantul cahaya dan papan tanda keselamatan.
- A.9.2 Kontraktor dikehendaki untuk menjamin kepentingan dan keselamatan kenderaan, orang awam dan pekerjaanya semasa menjalankan kerja di mana-mana kawasan di tapak. Sebarang kemalangan atau kerosakan yang diakibatkan dari kecuaiannya pihak kontraktor terhadap tugas dan kesempurnaan kerja di tapak adalah di bawah tanggungan Kontraktor.
- A.9.3 Semua kerja yang melibatkan kemudahan atau laluan kenderaan atau orang awam hendaklah disediakan dengan papan tanda sementara dan lencongan di mana perlu yang memberi amaran jelas tentang kerja sedang dijalankan dan bagaimana pengguna boleh menggunakan laluan atau kemudahan tersebut dengan selamat.
- A.9.4 Kontraktor dikehendaki memasang tali halangan, kon atau tanda dengan cahaya pada waktu malam yang dapat mengawal kawasan kerjanya dari dilalui oleh orang awam.
- A.9.5 Semua pekerja Kontraktor hendaklah memakai baju seragam kemeja-T berwarna hijau dengan bertulis nama syarikat di sebelah depan dan belakang. Semua pekerja hendaklah memakai pakaian seragam ini dan vest keselamatan yang dibekalkan semasa menjalankan tugas di tapak
- A.9.6 Kenderaan yang digunakan bagi memungut sampah hendaklah bergerak perlahan atau pada kadar yang sesuai di kawasan kerja dan berhenti dengan memberi isyarat lampu berhenti ketika memungut sampah dalam kawasan kerja.
- A.9.7 Kontraktor akan dikenakan denda sekiranya gagal mematuhi langkah-langkah keselamatan. Pengenaan denda adalah seperti di para A.10

A.10 DENDA

Pihak Majlis boleh mengenakan sebarang bentuk denda kepada Kontraktor berdasarkan kegagalan mematuhi syarat-syarat dalam dokumen Kontrak. Denda akan dikenakan jika didapati kontraktor tidak mengikut atau menjalankan kerja-kerja yang dinyatakan dalam skop kerja/ bidang yang telah disenaraikan. Denda ini akan ditolak daripada Nilai Kontrak dan Pegawai Penguasa atau Wakilnya berhak untuk menuntut daripada Kontraktor.

Denda yang akan dikenakan bagi kerja-kerja yang tidak disiapkan atau dipenuhi seperti yang diarahkan oleh pegawai penguasa atau wakilnya bergantung kepada peratus denda sehingga 100% daripada nilai harga kerja yang tidak dapat disiapkan dengan memuaskan.

Denda penalti bagi setiap kesalahan adalah seperti berikut:

A.10.1 Pekerja / Kecekapan Pengurusan

Bil.	Kesalahan	Kadar NTP
1.	Pekerja tidak memakai vest keselamatan	RM200
2.	Bilangan pekerja tidak mencukupi	RM200
3.	Kon tidak dipasang pada kawasan yang sepatutnya	RM200
4.	Jentik-jentik ditemui atau nyamuk yang banyak didapati di kawasan penyelenggaraan	RM200

A.10.2 Kerja Tidak Siap/Tidak Menepati Spesifikasi

Bil.	Kesalahan	Kadar NTP
1.	Sampah sisa kerja kontraktor tidak dibersihkan di tapak setelah kerja diselesaikan bagi setiap kawasan kerja	RM200
2.	Arahan kerja tidak diselesaikan selepas 14 hari diserahkan bagi setiap arahan kerja	RM200

Apabila pihak kontraktor telah mendapat 3 NTP bagi kesalahan perenggan A.10.2 (Kerja Tidak Siap/Tidak Menepati Spesifikasi), Pegawai Penguasa akan mengeluarkan Notis Penamatan Perkhidmatan. Kontrak akan ditamatkan dan bon pelaksanaan akan dirampas.

A.10.3 Tidak Menghadiri Pemeriksaan di Tapak.

Kegagalan Kontraktor atau Penyeliannya untuk menghadiri pemeriksaan bersama antara Kontraktor dan Pegawai Penyelia pada setiap hujung pusingan akan dikenakan denda sebanyak RM200.00.

A.10.4 Kegagalan Menghadiri Mesyuarat / Taklimat

Kontraktor akan dikenakan denda sebanyak RM200.00 bagi setiap kali gagal menghadiri mesyuarat yang diadakan oleh pihak Majlis berhubung dengan kerja-kerja kontrak setelah diberi notis sama ada secara telefon atau bertulis tanpa sebarang sebab munasabah.

A.11 OPERASI KERJA

- A.11.1 Kontraktor adalah dikehendaki mengadakan sendiri pekerja-pekerja, membekal segala mesin, peralatan yang berkaitan dan kenderaan yang ditentukan oleh Majlis Bandaraya Subang Jaya.
- A.11.2 Kontraktor hendaklah memastikan pelaksanaan kerja adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan atau sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Majlis. Pegawai Penyelia dari pihak Majlis akan memeriksa mutu kerja mengikut jadual tersebut.
- A.11.3 Semua pekerja yang menguruskan perkhidmatan hendaklah sentiasa bercermat supaya tidak melakukan kerosakan atau mengganggu ketenteraman awam.
- A.11.4 Kontraktor juga hendaklah menyelesaikan aduan yang dikemukakan oleh penduduk atau yang diberikan oleh Pegawai Penyelia dalam masa 10 hari.
- A.11.5 Kontraktor mestilah boleh dan mudah dihubungi oleh Pegawai Penyelia pada bila-bila masa dalam tempoh 24 jam. Kontraktor dimestikan mempunyai alat yang mudah untuk dihubungi seperti yang berikut:-
- i. Telefon
 - ii. Telefon bimbit
 - iii. Mesin faksimili
- A.11.6 Kontraktor hendaklah atas kos sendiri membekalkan pekerja-pekerjanya dengan pakaian seragam yang kemas dan bersesuaian, vest keselamatan, papan tanda AMARAN mengikut spesifikasi Majlis dan tanda nama bagi tujuan pengenalan. Kontraktor hendaklah memastikan pekerja yang menguruskan perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang digunakan dan berkuatkuasa di Majlis Bandaraya Subang Jaya.

A.12 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN KONTRAK

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh Majlis jika Kontraktor didapati gagal memenuhi keperluan Kontrak seperti di bawah ini atau setelah menerima 3 NTP bagi kesalahan perenggan A.10.2 (Kerja Tidak Siap/Tidak Menepati Spesifikasi), seperti berikut:

- A.12.1 Tanpa sebarang sebab, semua kerja ditangguh sebelum tarikh penyiapan.
- A.12.2 Sekiranya Kontraktor gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- A.12.3 Gagal meneruskan kerja-kerja dengan sebab-sebab yang tidak munasabah.
- A.12.4 Kemajuan kerja terlalu perlahan tanpa apa-apa sebab munasabah. Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah.
- A.12.5 Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa atau Wakilnya tanpa apa-apa alasan yang munasabah

A.12.6 Mengalami keadaan bankrup atau syarikat ditukar milik iaitu tidak dapat membayar hutang atau membuat tukar milik untuk kepentingan pihak peminjam atau memecahkan kontrak-kontrak kecil tanpa kebenaran.

Kontrak ini boleh ditamatkan oleh Majlis dengan memberi Notis Penamatan Perkhidmatan oleh Pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya atau (3) bulan oleh pihak Kontraktor. Pihak Majlis boleh menamatkan kontrak ini dengan serta-merta jika didapati kerja-kerja yang dijalankan tidak mematuhi spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Majlis.

A.13 PERUBAHAN KERJA

Pegawai Penguasa atau Wakilnya boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja-kerja dengan secara bertulis. Semua perubahan kerja dan/ atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam senarai kuantiti/Ringkasan sebut harga. Jika terdapat sebarang kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Penguasa atau Wakilnya dan kontraktor ia hendaklah digunakan.

A.14 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG

Kontraktor hendaklah mematuhi segala Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa Pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat.

A.15 PECAHAN KONTRAK

Sekiranya pihak kontraktor telah melanggar mana-mana peruntukan dalam kontrak ini atau gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang telah diarahkan atau ditetapkan, Pegawai Penguasa atau Wakilnya boleh melantik Kontraktor lain untuk melakukan kerja-kerja yang tertangguh tersebut atau yang langsung tidak dilaksanakan dan dengan itu pihak Kontraktor terpaksa menanggung segala kos bagi kerja-kerja yang tertangguh itu sama ada dipotong daripada bayaran yang sepatutnya dibayar kepada Kontraktor tersebut dan apa jua kos lebihan hendaklah ditanggung oleh pihak Kontraktor.

A.16 SUB KONTRAK

Kontraktor tidak boleh pada bila-bila masa memajakkan (Sub Kontrak) atau melepaskan semua atau sebahagian dari kontrak ini kepada orang lain.

A.17 PENGAMBILAN PEKERJA MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Bagi menjalankan kerja-kerja di bawah kontrak ini, Kontraktor adalah pada bila-bila masa dilarang mengambil bekerja mana-mana pekerja yang sedang bekerja dengan MBSJ sama ada pekerja tetap, sementara atau lain-lain.

A.18 KEROSAKAN DI TAPAK

Kontraktor hendaklah memastikan tidak ada sebarang kacauganggu kepada orang awam dan harta benda awam semasa menjalankan kerja-kerja tersebut. Semua kerosakan yang berlaku di tapak akibat kerja-kerja yang dibuat oleh Kontraktor sama ada kerosakan yang kecil atau besar, hendaklah dibaiki semula oleh Kontraktor hingga kembali sama seperti keadaan asal seperti sebelum kerja dimulakan. Pegawai Penguasa atau Wakilnya boleh membuat pemeriksaan secara berkala ke atas peralatan dan jentera yang digunakan semasa kerja dilaksanakan untuk memastikan peralatan dan jentera yang sesuai digunakan.

A.19 PEMBAYARAN

Bayaran hanya akan dibuat selepas semua jadual atau laporan lengkap diterima serta kerja kontrak telah pun sah dilaksanakan dengan sempurna dan mengikut penentuan yang ditetapkan. Pembayaran akan dibuat berdasarkan kepada kerja-kerja yang telah dijalankan seperti dalam Perincian Kerja. Sebarang tuntutan bayaran tambahan daripada jumlah yang telah dipersetujui tidak akan dilayan sekiranya kontrak ini tersalah anggar atau tersalah kira oleh pihak Kontraktor.

A.19.1 Bayaran kemajuan kepada kontraktor yang melaksanakan kontrak kerja boleh dibayar hingga tiga (3) bayaran kemajuan dalam tempoh empat (4) bulan pertama selepas keluarnya surat setuju terima tawaran dan sebelum perjanjian ditandatangani secara rasmi.

A.19.2 Bayaran kemajuan yang seterusnya atau empat (4) bulan selepas surat setuju terima dikeluarkan, akan hanya dibuat selepas perjanjian kontrak yang rasmi ditandatangani.

A.19.3 Petender yang akan Sebut Harga nya disetujui terima adalah diingatkan supaya mengemukakan tuntutan bayaran interim kepada pihak Majlis dalam tempoh 31 hari (sebulan) selepas kerja-kerja siap dilaksanakan di tapak. Kontraktor hanya dibenarkan melaksanakan kerja maksimum 2 bulan bagi setiap tuntutan. Sekiranya melebihi tempoh tersebut denda tuntutan lewat akan dikenakan.

B. KEPERLUAN KHUSUS

B.1 PENGENALAN PEKERJA

Identiti kenderaan, operator dan pekerja Kontraktor yang terlibat hendaklah jelas ditunjukkan. Setiap pekerja Kontraktor yang terlibat dengan kerja hendaklah memakai pakaian seragam dengan identiti agensi atau syarikat yang diwakili.

B.2 KOMPETENSI

Kontraktor perlu memastikan Penyelia bagi kerja adalah individu yang kompeten. Bilangan pekerja yang mengendalikan satu-satu tugas hendaklah bersesuaian dengan kehendak kerja.

B.3 KEPERLUAN PERALATAN DAN JENTERA

Peralatan dan jentera yang digunakan mestilah sesuai dengan kerja yang hendak dilaksanakan.

B.4 KESELAMATAN KERJA

B.4.1 Penyelia hendaklah bertanggungjawab memastikan persekitaran kerja yang selamat sejajar dengan keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Aspek keselamatan hendaklah diberikan keutamaan termasuklah meletakkan papan tanda, kon keselamatan dan lampu 'beacon' jika terpaksa dilakukan pada waktu malam.

B.4.2 Jika Kontraktor didapati tidak menggunakan alat keselamatan diri, kontraktor akan dikenakan denda berdasarkan peruntukan di dalam Syarat-syarat Tender. Sekiranya pihak Jabatan Landskap MBSJ atau MBSJ dikenakan kompaun/saman atau sebarang tuntutan bayaran dari mana-mana pihak berkuasa atas apa-apa sebab sekalipun yang berkaitan dengan kegagalan Kontraktor untuk menggunakan alat keselamatan diri yang betul, tuntutan tersebut hendaklah dibayar oleh pihak Kontraktor atau Majlis berhak menuntutnya dari Kontraktor.

B.5 TAPAK KERJA

B.5.1 Individu kompeten yang dilantik hendaklah menilai keadaan tapak kerja. Jika terdapat sebarang risiko di tapak kerja seperti gangguan talian elektrik, dinding atau pagar maka pemantauan secara berterusan hendaklah dibuat semasa kerja-kerja dilaksanakan. Pemeriksaan tapak hendaklah dijalankan bagi mengenalpasti risiko bahaya termasuk sebarang halangan dan gangguan kerja.

B.5.2 Kontraktor tidak dibenarkan meletakkan kenderaan atau mesin di atas longkang atau kerb jalan, melalui melepasi sebarang longkang atau kerb dan memasuki kawasan hijau, melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis dari pihak Majlis. Semua Kontraktor bertanggungjawab terhadap semua takungan air yang terbentuk dalam kawasan penyelenggaraan disebabkan oleh kenderaan atau mesin. Sekiranya pihak Jabatan Landskap MBSJ atau MBSJ dikenakan kompaun/saman atau sebarang tuntutan bayaran dari mana-mana pihak berkuasa atas apa-apa sebab sekalipun yang berkaitan dengan kegagalan Kontraktor untuk menggunakan alat keselamatan diri yang betul, tuntutan tersebut hendaklah dibayar oleh pihak Kontraktor atau Majlis berhak menuntutnya dari Kontraktor.

B.5.3 Utiliti Awam dan Perkhidmatan Lain

Sebelum memulakan sebarang kerja, Penyelia hendaklah mengesahkan semua talian dan perpaipan utiliti yang berada di atas dan di dalam tanah. Sebarang kerosakan kepada utiliti awam yang berlaku disebabkan pelaksanaan kerja, hendak dilaporkan kepada agensi berkaitan.

B.5.4 Kerja-kerja di tepi Jalan

Segala keperluan keselamatan semasa menjalankan kerja-kerja di kawasan tepi jalan hendaklah disediakan dan dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kerja dilakukan. Langkah keselamatan yang perlu diambil untuk memastikan tiada gangguan kepada aliran trafik adalah seperti berikut:

- Kon keselamatan – menyediakan kon keselamatan secukupnya diletakkan tidak kurang dari 50 kaki dari kawasan kerja dan setiap kon hendaklah diletakkan pada jarak 5 kaki setiap satu.
- Jaket keselamatan – setiap pekerja yang berada dalam kawasan kerja hendaklah memakai jaket keselamatan pada setiap masa.
- Pengawal bendera – hendaklah menyediakan pengawal bendera dengan peralatan yang sesuai untuk memastikan aliran trafik dikawal dan sentiasa dalam keadaan yang selamat kepada pengguna.

B.5.5 Kawasan Terhad

Bagi kawasan yang terhad dan sentiasa sibuk, kawasan kerja hendaklah diletakkan dengan tali penanda untuk menghalang orang yang tidak berkaitan memasuki dan mengguna kawasan tersebut. Kerja berhampiran bangunan atau harta awam, suatu pelan kerja dan penerangan kerja dengan semua kakitangan yang terlibat hendaklah diadakan terlebih dahulu sebelum menjalankan kerja-kerja. Tempat kerja hendaklah sentiasa bersih daripada sebarang sampah atau tunggul atau bahan-bahan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan.

B.6 PENGURUSAN SISA KERJA

Pembersihan sisa kerja mesti dilaksanakan pada hari ia dilaksanakan ke tapak pelupusan sampah yang dibenarkan oleh Majlis.

B.6.1 Urusan pembuangan sampah hendaklah ditanggung oleh pihak Kontraktor dan perlu dibuang di kawasan pelupusan sampah yang ditetapkan oleh MBSJ iaitu tapak pelupusan milik Worldwide Holdings. Pelupusan sampah ke lokasi lain selain yang ditetapkan perlu mendapat kebenaran rasmi Majlis. Resit pelupusan hendaklah disertakan semasa tuntutan pembayaran sebagai bukti pelupusan dilakukan dengan betul.

B.6.2 Pihak Kontraktor perlu menyediakan kelengkapan yang sesuai untuk mengangkut sampah dalam kawasan taman. Membawa masuk lori ke kawasan siar kaki, trek jogging, rumput atau kawasan hijau adalah **DILARANG SAMA SEKALI**.

B.6.3 Semua sistem saliran terbuka hendaklah bebas dari sebarang sampah-sarap yang dihasilkan semasa kerja.

B.7 BEKALAN BAHAN PENYELENGGARAAN & PEMBAIKAN ALATAN

- B.7.1 Matlamat Kerja**
Mengenalpasti arahan, mencari lokasi kerja, mencari bekalan bagi menyelesaikan arahan, membekal dan menghantar bekalan ke tapak dan memasanginya di tapak hingga arahan disempurnakan.
- B.7.2 Kuantiti**
Kuantiti bahan yang dibekal adalah sepertimana yang diarahkan dalam Jadual Kerja.
- B.7.3 Keadaan Rekabentuk dan Bahan Yang Dibekal**
Rekabentuk peralatan permainan atau kemudahan taman yang dibekalkan mestilah mengikut arahan yang diberikan. Ia perlu diperolehi dari pembekal tempatan yang sah menurut keperluan SIRIM MS966 atau TUV (ISO 9001:2008) atau European Standard EN 1176.
- Bahan yang dibekal bagi kontrak kerja ini hendaklah bebas dari sebarang bentuk kerosakan seperti karat, kemek dan keupudaran. Ia hendaklah dalam keadaan teguh, kemas dan bersih.
- B.7.4 Keselamatan dan Kebersihan Tapak**
Kontraktor perlu memastikan tapak kerja selamat daripada menyebabkan sebarang kecederaan kepada orang awam dan persekitaran. Orang awam atau kenderaan perlu dihalang untuk melalui kawasan kerja dengan meletakkan perentang kanvas penutup, kayu penghadang atau papan tanda. Tapak perlu dipastikan dalam keadaan sentiasa bersih dan selamat. Sebarang kerosakan akibat kerja-kerja kontraktor di tapak perlu dibaiki oleh Kontraktor atas tanggungan sendiri.
- B.7.5 Sumber Bekalan**
Sumber bagi bekalan hendaklah didapati daripada Semenanjung Malaysia sahaja dalam tempoh tidak lebih daripada 1 bulan maksima dari tarikh arahan dikeluarkan. Sekiranya bahan bekal tersebut tidak dapat diperolehi dalam litaran kawasan dan jangkamasa yang ditetapkan, Kontraktor perlu memaklumkan kepada Majlis secara bertulis dengan kadar segera. Sebarang sumber bekalan dari kawasan lain atau tempoh yang lebih lama perlu mendapat persetujuan bertulis daripada Majlis.
- B.7.6 Gantian Bahan**
Sekiranya bahan bekal tersebut tidak dapat diperolehi, Kontraktor perlu memaklumkan kepada Majlis secara bertulis dengan kadar segera. Penggantian sebarang bahan bekal yang diarahkan perlu mendapat persetujuan bertulis daripada Majlis.
- B.7.7 Jadual Arahan**
Majlis akan mengeluarkan Arahan Kerja pada setiap awal bulan sepanjang tempoh Kontrak ini. Kontraktor perlu memastikan semua kerja yang diarahkan dapat disempurnakan dalam bulan tersebut.

B.7.8 Sampel

Apabila diarahkan, Kontraktor perlu menyediakan contoh kerja atau 'mock-up' sesuatu binaan yang hendak dibina atau mengemukakan sampel bahan yang akan digunakan, atas perbelanjaan Kontraktor sendiri.

- a) Bagi penyediaan 'mock-up', Penyelia perlu dimaklumkan dan hadir bersama Kontraktor untuk memperakui kelulusan secara bertulis bagi pembinaannya diteruskan.
- b) Bagi sampel, Kontraktor perlu menghantar sampel bahan kepada Majlis. Penggunaan bahan tersebut hanya boleh diteruskan setelah mendapat perakuan bertulis daripada Majlis.

B.7.9 Keutamaan

Keutamaan membuat kerja adalah seperti berikut;

Jadual 1: Keutamaan Kerja Mengikut Keadaan

KEUTAMAAN KERJA	SUMBER ARAHAN	TEMPOH SIAP KERJA (SELEPAS MENERIMA ARAHAN)
SERTA MERTA	- ADUAN SEGERA/KECEMASAN	24 jam
SEDERHANA	- ADUAN BIASA	3 – 10 hari bekerja

B.7.10 Pemeriksaan di Tapak

Kerja yang telah siap akan disemak oleh Penyelia Majlis sebaik sahaja Kontraktor menghantar Borang Siap Kerja. Selain memastikan bahan yang dibekal, dipasang atau dibina adalah berfungsi, berikut adalah kriteria terperinci bagi pemeriksaan;

Kriteria	Piawaian
a) Besi	Penyambungan menggunakan piawaian pematerian yang diterima. Bebas dari kerosakan yang boleh menjejaskan kekuatan dan kestabilan struktur. Bebas dari kemek, karat dan calar. Bahagian yang dipateri mesti bebas dari sebarang karat dan lekikan. Jika diarahkan ia perlu dikemaskan dengan kaedah ' <i>galvanized and powder coated</i> '.

b)	Aluminium	Bagi peralatan permainan, ia perlu disalut dengan ' <i>PEF ultra violet polyester powder coating</i> '.
c)	Sisi Terpotong	Sisi yang terpotong mesti tegak, rata, bersih dan tidak bergerigi.
d)	Permukaan	Jenis permukaan adalah seperti yang diarahkan atau mengikut spesifikasi dibekalkan oleh pembekal peralatan permainan. Permukaan hendaklah sentiasa kemas dan rata.
e)	Kayu	Permukaan mesti bebas dari bekas potongan, torehan atau selumbar. Apabila diarahkan ia mesti diperkemaskan dengan ' <i>timber treatment</i> ' yang sesuai.
f)	Gelas	Tidak pecah, retak atau calar. Ia perlu rata, licin, bersih dan lutsinar.
g)	Batu-bata	Tiada sebarang permukaan yang pecah.
	PVC	Warna sekata, tidak calar, tidak retak dan permukaan tidak calar.
h)	Konkrit	Tiada sebarang permukaan yang pecah atau retak. Ia perlu rata dan kemas.
i)	Jubin/lantai	Sisi adalah rata, kemas dan tidak tajam. Pertemuan antara sisi adalah kemas dan tegak. Permukaan adalah ' <i>non-slip</i> '. Warna sekata. Tiada sebarang permukaan yang pecah atau retak. Ia perlu rata dan kemas.
j)	Dinding	Tiada sebarang permukaan yang pecah atau retak. Ia perlu tegak, rata dan kemas. Jika diarahkan, ia perlu dikemas dengan ' <i>plaster</i> ' dan bercat. Cat perlu sekata, rata dan kemas.
k)	Bekas/kotak	Tidak menunjukkan kebocoran melainkan diarahkan supaya mempunyai lubang aliran air
l)	Batuan	Tiada sebarang permukaan yang pecah atau retak. Jika diarahkan, ia perlu dalam saiz yang telah ditentukan. Sisi adalah rata, kemas dan tidak tajam.
m)	Plastik HDPE	Permukaan perlu distabilkan untuk tahan dari ' <i>ultra violet (UV) degradation</i> '. Perlu ' <i>colour impregnation</i> ' dan ' <i>anti static guard</i> '.
n)	Penyambung	Bagi peralatan permainan, semua ' <i>bolts, nuts, washers, screws</i> ' hendaklah diperbuat dari ' <i>stainless steel</i> '. Bahagian yang terdedah perlu disalut dengan ' <i>ultra violet stablized plastic safety cap</i> '
o)	Jubin getah	Diperbuat dari butiran ' <i>ethylene propylene dien monomer</i> ' dan disambung dengan ' <i>polyurethane binder</i> '

B.7.11 Waranti

Bagi semua peralatan permainan dan kemudahan taman dalam set yang lengkap dan baru dibekalkan dari pengeluar peralatan permainan/riadah yang bertauliah mestilah mempunyai waranti yang dikeluarkan oleh pengeluar tersebut selama 3 tahun dari tarikh ia dipasang di tapak. Salinan asal waranti hendaklah diberikan kepada Majlis setiap kali pembayaran disempurnakan.

B.8 PENYELENGGARAAN PERABOT TAMAN DAN KEMUDAHAN

Pihak Kontraktor dikehendaki membersihkan wakaf, pergola, meja taman, kerusi rehat taman, alatan permainan kanak-kanak bersepadu, rubber mat, par-course, alatan permainan individu dan papan tanda taman daripada daun-daun, lumut-lumut, rumput-rumpai yang tumbuh, tanah-tanah, pasir dan sebagainya yang dianggap mengotorkan peralatan tersebut.

Pihak Kontraktor juga perlu menyediakan peralatan pembersihan yang mudah alih seperti "High Pressure Water Jet" untuk kegunaan penyelenggaraan seperti berikut ;

- B.8.1 Wakaf dan Pergola
- B.8.2 Meja dan Kerusi Rehat Taman
- B.8.3 Alatan Permainan Kanak-kanak Bersepadu (Tiang)
- B.8.4 Buaian
- B.8.5 Jongkang-jongkit
- B.8.6 *Spring rider*
- B.8.7 *Rubber Mat/Seamless-flooring*
- B.8.8 *Par-course & Alatan Permainan*
- B.8.9 Semua jenis Papan Tanda Taman
- B.8.10 Gelanggang/Plaza/Dataran bersimen
- B.8.11 *Reflexsology*



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN H

MAKLUMAT PETENDER



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN J

SURAT PENYEWAAN LORI

Surat Penyewaan Lori

Tarikh:

Kepada: Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Subang Jaya
Persiaran Perpaduan USJ 5
47610 Subang Jaya
Selangor Darul Ehsan

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN TAMAN DAN ALATAN PERMAINAN DALAM KAWASAN BP 7 ZON 20 HINGGA ZON 24 BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa syarikat kami menyerahkan bukti pemilikan atau penyewaan lori untuk kontrak kerja di atas. Maklumat berkenaan butiran lori tersebut adalah seperti berikut :-

Bil	Jenis/Model	Muatan (Tan)	No. Pendaftaran	Jumlah
1.				
2.				
3.				

...3. Bersama-sama ini juga disertakan **salinan Sijil Pemilik Kenderaan** (seperti dalam senarai semak dan perakuan petender) untuk makluman dan tindakan pihak tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan & Cap Petender)

Nama Pemilik: -----

No. K/P: -----

No. Tel.: -----

Alamat :

(Tandatangan & Cap Pemilik Lori)

Nama Pemilik : -----

No K/P : -----

No Tel : -----

Alamat :



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN K

LOKASI

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN TAMAN DAN ALATAN PERMAINAN DALAM KAWASAN BP 7 ZON 20 HINGGA ZON 24 BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

BIL.	BP	JKP	LOKASI KAWASAN LAPANG / ZON PENAMPAN (INVENTORI PEGAWAI KAWASAN)
1	7	20	Jalan 18/13, Taman Sri Serdang
2	7	20	Jalan 18/15, Taman Sri Serdang
3	7	20	Jalan 18/5, Taman Sri Serdang
4	7	20	Jalan 18/51, Taman Sri Serdang
5	7	20	Jalan 18/55, Taman Sri Serdang
6	7	20	Jalan 18/40, Taman Sri Serdang
7	7	20	Jalan 18/42, Taman Sri Serdang
8	7	20	Lorong 18/61, Taman Sri Serdang
9	7	20	Jalan 18/27C, Taman Sri Serdang
10	7	20	Jalan Serdang Jaya 1/2
11	7	20	Jalan Serdang Jaya 3/2
12	7	20	Jalan Serdang Jaya 4/6
13	7	20	Jalan Serdang Jaya 5/5
14	7	20	Jalan Serdang Jaya 4/2
15	7	20	Jalan Serdang Jaya 5/8
16	7	20	Tasik Seri Serdang

BIL.	BP	JKP	LOKASI KAWASAN LAPANG / ZON PENAMPAN (INVENTORI PEGAWAI KAWASAN)
1	7	21	Jalan Indah 1/9B, Taman Universiti Indah
2	7	21	Jalan Indah 1/11, Taman Universiti Indah
3	7	21	Jalan Indah 1, Taman Universiti Indah
4	7	21	Jalan Indah 2/5, Taman Universiti Indah
5	7	21	Jalan Indah 3, Taman Universiti Indah
6	7	21	Jalan BS 3/4, Taman Bukit Serdang Sek. 3
7	7	21	Jalan BS 3/3, Taman Bukit Serdang Sek. 3
8	7	21	Jalan BS 3/11, Taman Bukit Serdang Sek. 3
9	7	21	Jalan BS 2/10, Taman Bukit Serdang Seksyen 2
10	7	21	Jalan BS 3/2, Taman Bukit Serdang Sek. 3
11	7	21	Jalan Damai 1/1 (Town House)
12	7	21	Jalan Damai 1/8
13	7	21	Jalan Makmur 3/5

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN TAMAN DAN ALATAN PERMAINAN DALAM KAWASAN BP 7 ZON 20 HINGGA ZON 24 BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

BIL.	BP	JKP	LOKASI KAWASAN LAPANG / ZON PENAMPAN (INVENTORI PEGAWAI KAWASAN)
1	7	22	Jalan Eden Permai 1/1, Taman Serdang Sek. 4
2	7	22	Jalan BS 4/3A, Taman Bukit Serdang Sek. 4
3			Jalan BS 6/7, Taman Bukit Serdang Sek. 6
4	7	22	Jalan BS 6/10, Taman Bukit Serdang Sek. 6
5	7	22	Jalan BS 6/16, Taman Bukit Serdang Sek. 6
6	7	22	Jalan BS 5/4, Taman Bukit Serdang Sek. 5
7	7	22	Jalan Sejahtera 5/1 Taman Bukit Serdang Sek. 5
8	7	22	Jalan BS 5/18, Taman Bukit Serdang Sek. 5
9	7	22	Jalan BS 5/13, Taman Bukit Serdang Sek. 5
10	7	22	Jalan BS 5/18A, Taman Bukit Serdang Sek. 5
11	7	22	Jalan BS 5/3A, Taman Bukit Serdang Sek. 5
12	7	22	Jalan BS 5/27, Taman Bukit Serdang Sek. 5
13	7	22	Jalan SK 8/5, Kg. Baru Seri Kembangan
14	7	22	Jalan SK 7/6, Kg. Baru Seri Kembangan
15	7	22	Jalan SK 4/2, Kg. Baru Seri Kembangan
16	7	22	Jalan SK 5/3, Kg. Baru Seri Kembangan
17	7	22	Jalan SK 2/3, Kg. Baru Seri Kembangan
18	7	22	Jalan SK 9/1, Kg. Baru Seri Kembangan
19	7	22	Jalan SK 6/1, Kg. Baru Seri Kembangan
20	7	22	Jalan SK 14/2B, Kg. Baru Seri Kembangan
21	7	22	Taman Persisir Sungai Kuyoh, Jalan Kuyoh
22	7	22	Jalan Jinma 5

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN TAMAN DAN ALATAN PERMAINAN DALAM KAWASAN BP 7 ZON 20 HINGGA ZON 24 BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

BIL.	BP	JKP	LOKASI KAWASAN LAPANG / ZON PENAMPAN (INVENTORI PEGAWAI KAWASAN)
23	7	22	Jalan BS 8/1 Bukit Serdang
24	7	22	Jalan BS 8/3 Bukit Serdang
25	7	22	Jalan BS 9/3, Taman Bukit Serdang Sek. 9
26	7	22	Jalan BS 9/9, Taman Bukit Serdang Sek. 9
27	7	22	Jalan BS 9/7, Taman Bukit Serdang Sek. 9
28	7	22	Jalan BS 9/7A, Taman Bukit Serdang Sek. 9
29	7	22	Jalan BS 9/11, Taman Bukit Serdang Sek. 9
30	7	22	Jalan BS 9/11A, Taman Bukit Serdang Sek. 9
31	7	22	Jalan BS 9/5A, Taman Bukit Serdang Sek. 9
32	7	22	Jalan BS 11/12, Taman Bukit Serdang Sek. 11
33	7	22	Jalan BS 11/14, Taman Bukit Serdang Sek. 11
34	7	22	Jalan BS 11/4 (Kolam Takungan), Taman Bukit Serdang Sek. 11
35	7	22	Jalan BS 11/2, Taman Bukit Serdang Sek. 11
36	7	22	Pangsapuri Orkid Bukit Serdang, Jalan Cemara, Taman Bukit Serdang Sek. 11
37	7	22	Jalan BS 10/1A, Taman Bukit Serdang Sek. 11
38	7	22	Pangsapuri Timur Bukit Serdang, Jalan Kasturi, Taman Bukit Serdang Sek. 10
39	7	22	Jalan BS 10/5, Taman Bukit Serdang Sek. 10
40	7	22	Jalan BS 14/2A & BS 14/2, Taman Bukit Serdang Sek. 14
41	7	22	Flat PBS, Jalan PBS 14/6, Taman Perindustrian Bukit Serdang Seksyen 14
42	7	22	Jalan BS 13/1A
43	7	22	Jalan BS 6/3
44	7	22	Jalan BS 6/10
45	7	22	Pangsapuri Megaria Lili
46	7	22	Pangsapuri Megaria Ros

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KEMUDAHAN TAMAN DAN ALATAN PERMAINAN DALAM KAWASAN BP 7 ZON 20 HINGGA ZON 24 BAGI TEMPOH 2 TAHUN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

BIL.	BP	JKP	LOKASI KAWASAN LAPANG / ZON PENAMPAN (INVENTORI PEGAWAI KAWASAN)
1	7	23	Jalan SR 1/5
2	7	23	Jalan SR 4/16
3	7	23	Jalan SR 4/17
4	7	23	Jalan SR 5/3
5	7	23	Jalan SR 6/3
6	7	23	Jalan SR 7/9
7	7	23	Jalan SR 8/9
8	7	23	JLN MUHIBBAH 6
9	7	23	JLN MUHIBBAH 15

BIL.	BP	JKP	LOKASI KAWASAN LAPANG / ZON PENAMPAN (INVENTORI PEGAWAI KAWASAN)
1	7	24	JALAN INDAH 1/2C
2	7	24	JALAN INDAH 1/17
3	7	24	JALAN INDAH 1/12
4	7	24	JALAN INDAH 1/19E
5	7	24	JALAN INDAH 2/1
6	7	24	JALAN INDAH 2/12
7	7	24	JALAN INDAH 3/10
8	7	24	JALAN INDAH 3/5A
9	7	24	BUKIT BELIMBING